

# FATWA ANAK TAK SAH TARAF

Berlandaskan Fatwa di bawah Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002



## APA YANG DIMAKSUDKAN ANAK TAK SAH TARAF



**1** Anak yang dilahirkan di luar nikah iaitu sama ada hasil zina atau rogol.

**2** Anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan daripada persetubuhan syubhah **atau bukan daripada anak perhambaan;**

**3** Anak yang dilahirkan **kurang daripada 6 bulan 2 lahzah** mengikut **Taqwim Qamariah** dari tarikh akad nikah yang sah.

**4** Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah Qamariah dari waktu akad nikah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang mengikut hukum syarak.



## PENDAFTARAN ANAK

### ANAK TAK SAH TARAF:



Boleh didaftarkan kepada bapa biologi

### NAMUN :

Tidak boleh menggunakan **"bin"** atau **"binti"** kepada bapa tersebut. Ini bagi memelihara hukum **nasab dalam Islam.**

Imbas QR kod

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.






# FATWA ANAK TAK SAH TARAF

Berlandaskan Fatwa di bawah Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002



## LARANGAN MENURUT HUKUM SYARAK

Adalah **dilarang dan HARAM** :

-  Menasabkan anak tak sah taraf kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya.
-  Mana-mana lelaki yang mengaku bapa kepada anak tersebut menjadi **wali** kepada anak tak sama taraf.
-  Anak tak sah taraf **mewarisi harta pusaka** daripada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku sebagai bapanya.

## TUJUAN FATWA



Fatwa ini bertujuan untuk:



Memelihara **hukum nasab** dalam Islam



Menjaga **keturunan dan hukum syariah**



Memberi panduan kepada umat Islam mengenai **status anak tak sah taraf**



**Imbas QR kod**

Sila imbas kod QR untuk mendapatkan teks asal fatwa yang sahih dan lengkap.